

13/02/1998

Kompromi bagi kekalkan keutuhan parti

SERDANG, Khamis - Pemimpin dan ahli Umno perlu ikhlas dan berkompromi bagi mengekalkan keutuhan parti serta kestabilan negara, terutamanya ketika menghadapi kegawatan ekonomi sekarang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Benta, Suhaimi Ibrahim, berkata perbalahan merebut jawatan dalam parti hanya akan menyebabkan perpecahan yang akan menggugat kestabilan negara serta keyakinan pelabur asing.

"Inilah masanya kita mengutamakan kepentingan parti dan mengorbankan kepentingan peribadi demi kemakmuran negara," katanya kepada pemberita selepas majlis Dialog Belia Tani dan Anugerah Penulisan Perdana Rakan Muda, di sini hari ini.

Suhaimi berkata, tidak wujud istilah pemimpin yang berkarat kerana semua pemimpin yang dipilih memiliki bakat memimpin.

Menurutnya, tiada siapa yang boleh melabelkan sama ada seseorang ahli Umno itu layak atau tidak layak menjadi ketua.

"Yang boleh menentukannya adalah ahli parti," katanya.

Suhaimi berharap, pemimpin Umno tidak berebut jawatan dalam parti baik di peringkat cawangan atau bahagian sehingga menimbulkan fitnah dan perpecahan di kalangan ahli.

Menurutnya, kompromi sesama pemimpin dan ahli adalah jalan penyelesaian yang terbaik serta seiring dengan nasihat Presiden Umno dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya pertandingan tidak diadakan dalam pemilihan bahagian.

Suhaimi berkata, beliau bersyukur kerana Umno Bahagian Raub sepakat dalam perkara ini dan sudah mencapai kompromi dengan mengekalkan semua pemimpin, kecuali Naib Ketua Bahagian, Tengku Faris Tengku Razlan, yang mengundur diri.

Beliau berkata, mesyuarat pemimpin bahagian minggu lalu juga sepakat melantik beliau sebagai pengganti Tengku Faris.

"Saya berterima kasih dengan kepercayaan yang diberikan kepemimpinan bahagian dan keputusan Tengku Faris memberi saya peluang menyandang jawatan itu," katanya.

(END)